



**ANGGOTA** penguat kuasa DBKL menyita kerusi dan meja yang diletakkan oleh peniaga di laluan awam di Kuala Lumpur.

## DBKL sita meja, kerusi diletak di laluan awam

**PETALING JAYA** – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita kerusi dan meja yang diletakkan oleh peniaga di pesiar kaki atau laluan awam di lokasi tumpuan ramai malam kelmarin.

Tindakan sitaan itu dilakukan di sekitar Jalan Gading, Jalan Changkat Thambi Dollah, Jalan Brunei dan Jalan Bukit Bintang di ibu negara.

“Sebanyak 10 tindakan sita telah dijalankan menerusi peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Antara barangan yang disita adalah meja dan kerusi plastik, payung, pakaian serta lain-lain peralatan,” kata DBKL dalam satu kenyataan semalam.

Menurut DBKL, semua barangan yang disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala

“

Sebanyak 10 tindakan sita telah dijalankan menerusi peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.”

Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi.

Katanya, tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan dikenal pasti akan diteruskan.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di <https://adukl.dbkl.gov.my/>,” katanya.